

TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT VISA GOLD ("T&S")

Dikemas Kini pada 21 November 2022

Terma dan syarat (T&S) Kad Kredit Visa Gold di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad Bank ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"). Dengan mengambil kira perubahan-perubahan seperti tertera di bawah ini, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&S ini, maka T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang terpakai dengan Kad Emas (seperti yang ditakrifkan di sini). Dengan menerima Kad Emas ini, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

1. Takrifan

- (a) "**Pemegang Kad**" bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad Kredit, sama ada Pemegang Kad Utama atau Kad Tambahan, melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (b) "**Aplikasi HLB Connect**" bermaksud Perbankan mudah alih HLB Connect.
- (c) "**Transaksi QR Pay**" bermaksud transaksi runcit dibuat melalui Aplikasi HLB Connect menggunakan QR Pay.

2. Program Ganjaran Kad Emas ("Program")

- (a) Pemegang Kad layak untuk menyertai Program dan memperoleh Mata Ganjaran berikut berdasarkan Kategori Perbelanjaan yang ditetapkan:

Mata Ganjaran	Kategori Perbelanjaan
Satu (1) Mata Ganjaran bagi setiap RM1	Semua Transaksi Runcit (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2 (b) di bawah)

- (b) "**Transaksi Runcit**" bermaksud untuk tujuan Program ini, pembelian apa-apa barangan atau perkhidmatan di dalam negara atau luar negara yang telah dilakukan dengan atau dicaj kepada Kad tetapi TIDAK TERMASUK (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB berhak mutlak menentukan sama ada transaksi itu terangkum dalam takrif Transaksi Runcit atau Pembelanjaan Runcit):
 - (i) pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai dsb.);
 - (ii) produk-produk portfolio seperti Pindahan Baki ("**BT**"), Quick Cash Fi Sekali ("**QC OTF**"), Quick Cash ("**QC**") dan Pelan Bayaran Fleksi ("**FPP**");
 - (iii) JomPay dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) Transaksi berkaitan pembayaran bil FPX;
 - (v) pelan perlindungan kad;
 - (vi) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (vii) Petrol
 - (viii) Transaksi QR Pay melalui Aplikasi HLB Connect; dan/atau
 - (ix) apa-apa bentuk fi perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan (jika berkenaan), seperti mana ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa.
- (c) Untuk FPP, Mata Ganjaran akan diberi berdasarkan jumlah urus niaga dan tiada lagi Mata Ganjaran akan pada jumlah ansuran bulanan.
- (d) Untuk Pelan Bayaran Lanjutan ("**EPP**"), Mata Ganjaran akan diberi berdasarkan jumlah ansuran bulanan iaitu, Satu (1) Mata Ganjaran untuk setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) daripada jumlah ansuran bulanan tanpa mengira Kategori Perbelanjaan.
- (e) Penyerahan Kod Kategori Peniaga ("**MCC**") untuk setiap peniaga adalah tertakluk kepada

klasifikasi oleh bank pemeroleh peniaga masing-masing ("Bank Pemeroleh Peniaga") berdasarkan budi bicara mereka dan ia adalah tanggungjawab Bank Pemeroleh Peniaga berkaitan untuk menetapkan MCC dan penerangan MCC yang betul. Kecuali kelalaian yang disengajakan atau kecuaiian melampau HLB, HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas penetapan MCC dan/atau penerangan MCC yang tidak konsisten oleh Bank Pemeroleh Peniaga berkaitan dan/atau sebarang penetapan yang salah oleh Bank Pemeroleh Pedagang yang mungkin mengakibatkan ketidaklayakan Mata Ganjaran.

- (f) Semua pengeluaran dan penebusan Mata Ganjaran adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Katalog Ganjaran Kelab Hong Leong yang boleh didapati di www.hlb.com.my/rewards.

3. Fi Tahunan

Fi tahunan untuk pemegang Kad Emas ialah Ringgit Malaysia Seratus Enam Puluh (RM160) (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) dan yuran tahunan untuk Kad Emas tambahan ialah Ringgit Malaysia Lapan Puluh (RM80) (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan). Pemegang Kad berhak untuk pengecualian fi tahunan tahun pertama dengan melakukan sekurang-kurangnya satu (1) letetan runcit dalam tempoh empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Emas.

4. Umun

- (a) T&S ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.
- (b) Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat dalam Perjanjian hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sebarang percanggahan antara T&S ini dan terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian, T&S khusus di sini akan diguna pakai.
- (c) HLB berhak apabila memberikan notis awal untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, mengubah suai, meminda atau bagaimanapun sebaliknya) mana-mana T&S di sini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menukar dan/atau menarik balik Program ("**Pindaan**"). Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara HLB melalui mana-mana satu (1) cara komunikasi berikut:
- (i) melalui pos biasa ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui;
 - (ii) dengan menyiarkan notis mengenai Pindaan di setiap cawangan HLB;
 - (iii) dengan membuat iklan mengenai Pindaan dalam satu (1) akhbar pilihan HLB;
 - (iv) melalui laman web HLB di www.hlb.com.my; atau
 - (v) melalui cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh HLB.
- (d) Pindaan hendaklah disifatkan sebagai mengikat kepada Pemegang Kad dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang mungkin ditentukan oleh HLB dalam pemberitahuan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang sedang melayan anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my